



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN PENDAFTARAN & PELESENAN SEMI TRELER OPEN PLATFORM DENGAN SISTEM TWIST LOCK

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersetuju memberikan **kelulusan bersyarat** bagi pendaftaran dan pelesenan semi treler jenis *open platform* yang dilengkapi dengan sistem *twist lock* untuk tujuan membawa kontena piawaian antarabangsa (ISO), termasuk barangan yang diluluskan untuk dibawa oleh semi treler jenis berkenaan.

Kelulusan ini tertakluk kepada syarat operasi **port to business (P2B)** dan **business to port (B2P)** sahaja.

Keputusan ini adalah sebahagian daripada usaha memperkemas kerangka kawal selia, meningkatkan kecekapan logistik negara serta memastikan aspek keselamatan dan pematuhan teknikal kenderaan perdagangan sentiasa terpelihara.

SYARAT-SYARAT UMUM KELULUSAN

Bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran dan pelesenan, pihak industri logistik perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

1. Reka Bentuk dan Had Panjang

- Terhadap kepada reka bentuk pelan teknikal bagi kenderaan baharu sahaja.
- Maksimum panjang semi treler adalah 45 kaki bersama sistem *twist lock*.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- Nisbah penggerak utama kepada semi treler kekal seperti sedia ada iaitu maksimum **1:7**.
- 2. **Jenis Kontena Dibenarkan**
 - Dibenarkan membawa kontena ISO 40 kaki dan 45 kaki sahaja, bagi memastikan aspek keselamatan menjadi keutamaan.
- 3. **Kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM)**
 - Ditetapkan seperti lori kontena:
 - **Kod Kegunaan: BQ** – Penggerak Utama Kontena
- 4. **Jenis Perkhidmatan**
 - Dilesenkan di bawah jenis perkhidmatan kontena (**Permit Operasi: KA**), tertakluk kepada muatan yang ditetapkan dalam pelan teknikal serta syarat permit oleh pihak berkuasa.
- 5. **Skop Operasi**
 - Terhadap kepada operasi **port to business (P2B)** dan **business to port (B2P)** sahaja.
- 6. **Berat Dengan Muatan (BDM)**
 - BDM maksimum adalah **53 tan**, tertakluk kepada syarat teknikal terperinci yang akan ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Pihak industri boleh menghubungi Jabatan Pengangkutan Jalan dan Agensi Pengangkutan Awam Darat bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung tatacara pendaftaran dan pelesenan semi treler *open platform* dengan sistem *twist lock* ini.

Langkah ini bukan sahaja dijangka meningkatkan kecekapan rantai bekalan negara, malah berupaya membantu mengurangkan kos operasi





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

industri logistik. Impaknya, rakyat akan menikmati manfaat melalui kos barangan dan perkhidmatan yang lebih kompetitif.

MOT kekal komited dalam memastikan dasar yang dilaksanakan adalah seimbang, selamat dan memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi negara.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
12 Mac, 2026

-TAMAT-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
E-mel : sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

